

Berita Harian - 13.09.2020 MS 06

Garis panduan baharu warganegara keluar, masuk Malaysia

Kuala Lumpur: Jabatan Imigresen menetapkan garis panduan terkini bagi warganegara Malaysia yang ingin keluar dan masuk ke dalam negara sehingga berakhirnya tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Dalam satu kenyataan semalam, jabatan itu memaklumkan, beberapa kategori bagi ketetapan itu, antaranya golongan yang tidak perlu memohon kelulusan, perlu memohon kelulusan dan tidak dibenarkan keluar negara serta prosedur untuk masuk semula ke Malaysia.

Golongan tidak perlu memohon kelulusan adalah diplomat dan tanggungan yang ingin bertugas di luar negara; pelajar yang menyambung pengajian dan baru mendapat tawaran belajar; pelajar yang mengambil peperiksaan dan pemegang Pas Jangka Panjang Luar di Luar Negara (Pemastautin Tetap/Pas Residen/Pas Kerja dan lain-lain).

Mereka yang perlu memohon kelulusan adalah warganegara Malaysia yang pernah mempunyai pergerakan masuk ke negara ini dalam tempoh PKP; yang baru dapat tawaran bekerja; menghadiri mesyuarat, seminar, pameran, urusan perniagaan; urusan kecemasan dan mengiringi anak untuk belajar.

"Kategori yang tidak dibenarkan keluar dari negara adalah golongan yang ingin melancong dan lawatan biasa ke atas ahli keluarga lain," kata jabatan berkenaan, semalam.

Bagi prosedur untuk masuk semula ke Malaysia, jabatan itu menetapkan bahawa warganegara yang pernah atau tidak pernah keluar dalam tempoh PKP juga dibenarkan masuk ke Malaysia tanpa perlu kelulusan.

"Namun demikian, mereka tidak dibenarkan keluar negara semula tanpa mendapat kebenaran daripada Jabatan Imigresen walaupun mempunyai Pas Jangka Panjang di luar negara," menurut kenyataan itu.



Kategori yang tidak dibenarkan keluar dari negara adalah golongan yang ingin melancong dan lawatan biasa ke atas ahli keluarga lain .

Kenyataan Jabatan Imigresen